

12/19/22, 11:26 AM

LHDNM Lindungi Kerahsiaan Pemberi Maklumat « MYNEWSHUB

TERKINI UTAMA & SENSASI



By [Mohd Arshad](#) 18/12/2022 0 79

Whistleblower dalam bahasa Melayu bererti pemberi maklumat. Menjadi Whistleblower tidak memerlukan keupayaan seperti 007 James Bond.

#### Ikuti Mynewshub: [Telegram](#)

Tidak memerlukan anda mempunyai kemahiran ejen risikan, sebaliknya cukup sekadar mengetahui sesuatu yang tidak betul sedang berlaku.

Kebanyakan organisasi dalam dunia memerlukan whistleblower dalam mencetuskan tindakan yang perlu dilakukan selanjutnya.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) juga memerlukan whistleblower dalam menguatkuasakan amalan cukai.

Whistleblower memberi maklumat kepada LHDNM mengenai aktiviti pelarian cukai dan LHDNM akan bertindak terhadap maklumat tersebut.

Bagaimanapun tidak bermakna maklumat tersebut terus dianggap 'konkrit', sebaliknya LHDNM akan melakukan siasatan untuk mengenal pasti keadaan sebenar.

Mungkin ada yang berasa bimbang untuk menjadi whistleblower@pemberi maklumat kepada LHDNM kerana khuatir identiti mereka akan terdedah.

Dalam soal itu usah bimbang kerana LHDNM memberi jaminan kerahsiaan mengikut peruntukan kerahsiaan di bawah Seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967.

LHDNM malah mempunyai kewajipan untuk menjaga kerahsiaan hal ehwal cukai pembayar cukai di bawah peruntukan kerahsiaan yang sama.

**Berikut antara Dasar Pemberian Maklumat (Whistleblowing)**  
**LHDNM yang jelas melindungi kerahsiaan pemberi maklumat:**

- Membudayakan nilai-nilai teras seperti berintegriti, profesionalisme dan cemerlang dalam memastikan tadbir urus korporat dan persekitaran yang mampan.**
- Menyediakan landasan komunikasi terbuka, selamat dan terjamin kepada Pemberi Maklumat untuk melaporkan kebimbangan atau mendedahkan sebarang Kelakuan Tidak Wajar melibatkan pegawai LHDNM dengan niat yang baik dan suci hati serta mempunyai alasan yang munasabah.**
- Merahsiakan identiti dan mengambil serius atau mempertimbangkan apa juu cara dalam keupayaannya memberi perlindungan atau keselamatan kepada Pemberi Maklumat.**

**-Mynewshub**

